

11 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Ranau)

LAWATAN PM BATAL TETAPI AMANATNYA TETAP SAMPAI KE RANAU

RANAU, 11 Mac (Bernama) -- Walaupun terpaksa membatalkan lawatannya ke Ranau hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menghampakan penduduknya kerana beliau masih dapat menyampaikan ucapannya menerusi telefon yang disiarkan terus dari Kota Kinabalu kepada mereka.

Dari bilik orang kenamaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Perdana Menteri bercakap menerusi telefon terus ke pembesar suara untuk didengar oleh beribu-ribu penduduk daerah ini yang telah menunggu ketibaannya.

Pada mulanya Dr Mahathir dijadual tiba dari Kudat untuk membantu dua calon Barisan Nasional (BN) tetapi helikopter yang membawanya terpaksa terus ke ibu negeri kerana keadaan cuaca menyukarkan penglihatan.

Pada mulanya RTM telah merancang untuk menyiarkan ucapan Perdana Menteri itu secara langsung di sini melalui TV1, sebaliknya ekoran pembatalan itu, beliau berucap selama 20 minit secara langsung melalui radio.

RTM bertindak pantas untuk menghubungkan beliau dengan penduduk Ranau bagi membolehkan ucapannya itu disampaikan kepada mereka.

Jurucakap RTM berkata inilah pertama kali siaran seperti itu disiarkan dan pada sidang berita kemudian, Dr Mahathir memuji RTM kerana ikhtiarnya itu.

Perdana Menteri memulakan ucapannya dengan meminta maaf kepada penduduk di Ranau kerana lawatannya itu terpaksa dibatalkan.

Katanya beliau menaruh harapan akan dapat bersama mereka juga akhirnya selepas pilihan raya nanti.

"Saya berniat pergi ke Ranau untuk menjelaskan pendirian BN dan betapa pentingnya rakyat Sabah memilih BN pada pilihan raya ini. Kerana saya tidak dapat pergi, saya meminta agar dapat berucap melalui telefon dan saya harap ucapan ini dapat didengar semua yang berkumpul di Ranau," katanya.

Beliau kemudian menghuraikan betapa pentingnya rakyat Sabah memastikan BN memenangi pilihan raya yang pengundiannya berlangsung secara berperingkat esok dan lusa.

"Kita yakin bahawa calon BN yang telah dipilih akan berkhidmat untuk menolong rakyat Sabah sama ada di Ranau atau di tempat-tempat lain juga," kata beliau.

Dr Mahathir berkata penduduk Sabah tidak boleh mengharap parti pembangkang untuk mentadbir negeri itu kerana kemampuan mereka begitu terhad dan mereka juga tidak mempunyai kesungguhan untuk membawa pembangunan kepada Sabah.

"Ada yang berkata apa gunanya pembangunan, sekolah atau pelajaran kalau Sabah tidak diperintah oleh orang Sabah... (sebenarnya) Sabah akan tetap diperintah orang Sabah yang ada dalam BN dan kita mampu membawa pembangunan kepada Sabah," katanya.

Sebaliknya kata Perdana Menteri, Parti Bersatu Sabah pula berpendapat bahawa rakyat Sabah akan puas hati kalau PBS dapat memerintah walaupun ia bermakna penduduk Sabah akan ketinggalan daripada pelbagai segi.

"Ini pandangan yang amat sempit kerana (untuk) kepentingan PBS sahaja maka mereka nak supaya rakyat Sabah menjadi mangsa, tidak dapat pembangunan dan kemudahan-kemudahan lain semata-mata kerana PBS dan (Datuk Joseph) Pairin (Kitingan) nak memerintah," katanya,

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat sebenarnya telah memberi layanan yang cukup kepada Sabah, melebihi layanan yang diberikan kepada sesetengah

negeri lain.

Katanya dakwaan PBS kononnya Sabah tidak mempunyai menteri yang cukup dalam kabinet Persekutuan juga tidak benar kerana Sabah mempunyai dua orang menteri, sebaliknya ada negeri yang langsung tidak mempunyai menteri walaupun negeri berkenaan turut memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Mereka ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam dan Datuk Chong Kah Kiat, yang meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk bertanding pada pilihan raya negeri kali ini.

Dr Mahathir berkata: "Saya memberi jaminan bahawa saya akan melantik seorang pemimpin dari Sabah juga untuk menjadi menteri dalam Kabinet supaya dapat bersama-sama Tan Sri Kasitah."

Perdana Menteri juga berkata Sabah telah diberi peruntukan besar bagi membangunkan semula negeri itu selepas beberapa "kerosakan" yang berlaku ketika Sabah diperintah oleh PBS.

Katanya sepanjang lima tahun pemerintahan BN di Sabah, pentadbiran negeri itu lancar manakala hubungan kerajaan negeri dan pusat begitu baik walaupun berlaku pertukaran Ketua Menteri setiap dua tahun antara tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

"Sudah tentu kalau Ketua Menteri terdiri daripada mereka yang hubungannya tidak baik dengan kerajaan pusat, seperti pemimpin dalam PBS atau orang lain, maka sukar bagi kerajaan pusat bekerjasama dengan kerajaan negeri," katanya.

Sebelum meletakkan gagang telefon bagi mengakhiri ucapannya, Dr Mahathir mengucapkan "selamat" kepada semua pendengar.

"Undilah BN dan pangkahlah lambang dacing pada pengundian esok dan lusa dan tuan-tuan akan mendapat banyak faedah daripadanya," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI